

**PERUBAHAN**  
BERMULA DENGAN SAYA  
**KEMPEN KONSUMER**  
**KEBANGSAAN 2008 - 2012**

# Penggunaan Berhemat

*Terbitan*



**CRRC**  
Consumer  
Research and  
Resource Centre  
(833010-H)

*Disokong oleh*



**Ke Arah Penggunaan Berhemat**

[www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my)

---

**PUSAT PENYELIDIKAN DAN SUMBER PENGGUNA** (833010H)

***Consumer Research and Resource Centre***

No. 8, Jalan 14/49, 46100 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel : 603-7875 2392

Faks : 03-7875 5468

Emel : [info@crrc.org.my](mailto:info@crrc.org.my)

Laman Web : [www.crrc.org.my](http://www.crrc.org.my)

---

© CRRC 2009

*Cetakan Pertama - Mei 2009*



# PENGGUNAAN BERHEMAT

---

*Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)*

*Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)*

*Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)*


## PENGENALAN

Penggunaan Berhemat merupakan amalan asas dalam Kempen Konsumer Kebangsaan atau Kempen 3K. Ia bertujuan untuk mengajak setiap pengguna untuk merenung kembali corak penggunaan mereka, faktor-faktor luaran dan dalaman yang telah mempengaruhi cara mereka membelanjakan wang mereka.

Antara faktor luaran yang mempengaruhi corak penggunaan ialah keluarga, rakan sebaya, televisyen, internet, budaya dan komuniti. Manakala faktor dalaman yang mempengaruhi corak penggunaan adalah sikap, personaliti, kepercayaan, emosi dan intelek mereka.

Berdasarkan pemahaman tentang corak penggunaan ini, maka Kempen 3K ini dilaksanakan bagi mencabar beberapa faktor yang telah mempengaruhi corak penggunaan seperti kesetiaan kepada jenama, membeli dengan tujuan untuk bersaing dengan orang lain, terlalu sensitif kepada persepsi orang lain terhadap diri sendiri dan berbelanja untuk memenuhi kehendak dan bukannya keperluan diri.

Buku ringkas ini bertujuan untuk mencadangkan beberapa langkah praktis yang boleh diamalkan oleh para pengguna untuk menjadi pengguna yang berhemat



**Paul Selva Raj**  
*Penyelaras 3K*

## Menjadi Pengguna yang Bijak

Senario dunia masa ini semakin sukar dan amat mencabar. Masalah pengangguran, kenaikan harga barang dan masalah jenayah yang semakin berleluasa merupakan sebahagian daripada cabaran yang sedang dihadapi. Krisis ekonomi sememangnya akan memberi impak kepada pekerja dan pengguna di Malaysia. Kita sedang menuju ke arah keadaan yang tidak menentu. Tidak ada sesiapaupun, malahan pakar ekonomi sekalipun, yang dapat menjangka bila keadaan ini akan pulih.



Sebagai pengguna di Malaysia, apa yang kita akan lakukan? Apa yang sering kita lakukan sebelum ini ialah menuduh pihak lain yang menyebabkan masalah ini berlaku, mengadu ataupun bersikap putus asa. Ini semua tidak akan membantu kita. Sebaliknya kita akan lebih tertekan, gelisah dan marah.

Faktor kritikal yang pertama perlu kita ketahui ialah kemampuan kerajaan untuk membantu para pekerja dan pengguna sangat terhad. Kehidupan seharian pengguna Malaysia sebenarnya banyak dipengaruhi oleh 'Wall Street', pengguna-pengguna di Amerika dan Eropah, dasar-dasar dari China dan Rusia, konflik yang berlaku di negara-negara Timur Tengah dan faktor-faktor lain yang telah menyebabkan pembuat dasar di Malaysia mempunyai kuasa yang sangat terbatas. Globalisasi telah menyebabkan ekonomi dunia bergantung antara satu sama lain. Pada peringkat kerajaan, walaupun mempunyai kuasa tetapi pada asasnya kerajaan hanya mempunyai pilihan yang amat terhad.

Sebenarnya, semua ini bergantung kepada pengguna.

Dalam menghadapi realiti baru ini, FOMCA dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Majlis Belia Malaysia (MBM), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan PETRONAS telah menganjurkan kempen 3K (Kempen Konsumer Kebangsaan) untuk tempoh selama empat tahun dari 2008 hingga 2012.



Tema kempen ini ialah 'Perubahan bermula dengan saya'.

Kempen ini memberi tumpuan kepada memberikan kesedaran dan mendidik pengguna untuk memahami realiti dunia yang baru, memahami tabiat dan sikap prejudis mereka sendiri yang sebenarnya telah mempengaruhi corak perbelanjaan dan penggunaan. Selain itu, mereka juga perlu mempelajari kemahiran dan ilmu pengetahuan baru untuk mengubah cara berfikir, tabiat dan gelagat pembelian.

Pengguna perlu memahami senario dunia yang baru ini. Dalam konteks ini, sikap suka menyalahkan orang lain dan suka mengadu bukanlah cara yang efektif. Kaedah yang lebih sesuai ialah kita perlulah bertanggungjawab dan belajar untuk menyesuaikan diri kepada perubahan-perubahan ini.

Berhemat ialah suatu peringkat di dalam minda yang menyebabkan seseorang menyedari akan segala pemikiran dan perbuatan yang hanya wujud pada ketika itu sahaja. Berhemat memerlukan pemikiran yang jelas, terbuka dan fokus terhadap tugas yang sedang dijalankan.

Sebagai pengguna yang berhemat, minda kita perlu fokus pada tugas seharian dalam pengurusan kewangan dan penggunaan. Tugas ini amat penting kerana ia penuh dengan objektif dan dipimpin dengan pedoman yang amat bermakna dan spesifik yang akan menjauhkan kita daripada pembaziran dan kemusnahan alam sekitar serta

bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan dan amalan penggunaan yang lestari.

Penggunaan berhemat adalah mengenai sikap lebih berwaspada kepada kepercayaan dan perwatakan yang mempengaruhi corak perbelanjaan dan penggunaan. Adakah kita membeli barang berdasarkan keperluan sebenar? atau :

- ..... untuk menunjuk-nunjuk
- ..... bersaing dengan jiran-jiran
- ..... untuk menunjukkan bahawa 'kita sudah sampai'
- ..... mengikut imej dalam iklan yang menunjukkan 'saya boleh menjadi segala-galanya'
- ..... menggunakan sesuatu produk kerana saya selalu menggunakannya
- ..... menggunakan barangan yang mahal kerana dikatakan berkualiti tinggi

Penggunaan yang berhemat sebenarnya mencabar kepercayaan dan tabiat kita yang suka membazir dan melakukan kerosakan kepada alam sekitar. Langkah pertama untuk menjadi pengguna yang berhemat ialah dengan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip berikut:

- Pengguna berhemat sedar tentang pendapatan dan perbelanjaannya
- Pengguna berhemat dapat membezakan antara keperluan dan kehendaknya
- Pengguna berhemat memberi perhatian kepada keperluan sekarang dan masa depan
- Pengguna berhemat berbelanja mengikut keperluannya
- Pengguna berhemat terbuka kepada idea ke arah penggunaan lestari
- Pengguna berhemat menghormati semua kehidupan dan proses alam semula jadi
- Pengguna berhemat mencari identiti sendiri bukannya berdasarkan kepada apa yang dimiliki

Bagi mengurangkan kesusutan fikiran, kita perlu memahami tentang persekitaran kita, terutamanya media massa, yang telah banyak mempengaruhi perwatakan dan cara kita berbelanja. Bersikap lebih berwaspada dan memahami pengaruh media akan menyebabkan kita bersikap lebih kritikal terhadap perkara yang menyebabkan pembaziran. Melalui pemikiran kritikal, seseorang boleh belajar untuk mencabar kepercayaannya sendiri dan mempelajari cara yang baru untuk memperbaiki sendiri seseorang. Untuk menjadi pengguna yang berhemat, anda perlu tahu menguruskan status kewangan sendiri.

## Penggunaan lestari

Kesan daripada pengeluaran dan penggunaan barang dan perkhidmatan di muka bumi ini dikatakan sebagai meninggalkan tapak ekologi. Sebagai pengguna kita perlu mengurangkan kesan tapak ekologi yang kita tinggalkan. Oleh itu kita perlu mengikut dua panduan berikut: kita perlu menggunakan barang yang mesra alam dan kurangkan penggunaan.



Menggunakan barang yang mesra alam seperti menggunakan barang organik, hijau, barang yang dikitar semula dan sebagainya. Ini merupakan permulaan yang baik tetapi tidak cukup untuk menstabilkan ekonomi. Ramai yang ingin menjalani kehidupan yang lebih sederhana. Bagi menjaga alam sekitar, kita tidak perlu mengamalkan cara hidup seperti zaman dahulu kala untuk menjaga muka bumi ini. Ini juga tidak menunjukkan bahawa kita bukannya hendak mencabar etos 'lagi banyak lagi baik.'

Budaya konsumerisme memastikan kita terus membeli lebih banyak dan bukannya semakin kurang. Ini merumitkan lagi kehidupan kita dan menjadikannya semakin tidak stabil.

Sebagai pengguna yang berhemat, mengurangkan penggunaan bukanlah bermaksud semakin miskin. Ia bermakna kita membeli apa yang sepatutnya untuk tujuan ekologi.

Kehidupan yang sederhana memerlukan kepercayaan pada diri sendiri. Kita perlu belajar bagaimana untuk memperbaiki sendiri kerosakan yang asas dan berkongsi sumber dengan masyarakat setempat.

Kehidupan secara bersederhana juga bermakna hidup di rumah yang lebih kecil dan menggunakan tenaga yang lebih cekap.

Merujuk semula kepada prinsip 'lebih banyak lebih baik', iaitu pengguna harus mempersoalkan nilai dan sikap yang ke arah pembaziran dan belajar untuk memperolehi kemahiran baru bagi menjalani amalan hidup yang lestari.


Terdapat beberapa cadangan yang boleh kita cuba (jika kita tidak pernah mencubanya lagi) atau boleh memperbaikinya lagi (jika kita telah mencubanya) seperti berikut:

### 1. **Membandingkan harga**

Membandingkan harga bagi barang yang sama di tempat membeli belah yang berlainan. Semasa membuat perbandingan, pastikan berat dan kualiti adalah sama.

### 2. **Melihat risalah**

Kebanyakan rumah di bandar sering menerima risalah daripada pelbagai pusat beli-belah. Buat perbandingan berdasarkan risalah-risalah tersebut untuk mendapatkan tawaran harga yang paling baik.



**3. Berubah kepada barang generik atau jenama pasar raya**

Anda boleh berjimat antara 15%-40% jika menggunakan barang generik atau jenama pasar raya besar. Biasanya kualiti barang generik dan barang berjenama tidak banyak perbezaannya.

**4. Makan di rumah**

Kurangkan makan di luar. Makan di rumah bukan sahaja murah tetapi juga lebih sihat.

**5. Merancang pembelian**

Sebelum membeli-belah, sediakan senarai barang yang ingin dibeli dan patuhi senarai tersebut.



**6. Pergi membeli-belah lebih awal dan bersendirian**

Membawa anak-anak ketika membeli-belah mungkin akan menambah bil perbelanjaan anda. Tinggalkan anak-anak anda di rumah. Ini dapat menjimatkan masa, wang dan tidak menyusahkan. Membeli-belah pada waktu awal hari menyebabkan anda cenderung untuk membeli dengan lebih cepat dan kurang berbelanja kerana mempunyai kerja-kerja lain yang perlu diselesaikan.

**7. Makanlah buah-buahan dan sayur-sayuran**

Buah-buahan dan sayur-sayuran adalah lebih murah jika dibandingkan dengan barangan yang dibungkus. Banyak makan buah-buahan dan sayur-sayuran juga lebih menyihatkan.

**8. Menyimpan stok barang jualan**

Menyimpan bekalan barang yang selalu digunakan apabila diadakan jualan murah.

### 9. Mengetahui sistem jualan

Anda perlu mengetahui bila kedai di tempat yang anda selalu membeli-belah, akan mengurangkan harga barang yang akan luput. Ambil peluang ini dan gunakan sebelum tarikh luput berakhir.

### 10. Mengira kos seunit

Apabila membuat perbandingan harga, terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran serta barang yang berbungkus, buat pengiraan berdasarkan kos seunit.

### 11. Gunakan bakul

Jangan menggunakan troli, tetapi sebaliknya, gunakan bakul. Ini boleh mengurangkan pembelian berdasarkan gerak hati kerana berat barang yang dibawa menyebabkan anda mengurangkan masa untuk melihat-lihat barang lain. Ini dapat mengurangkan pembelian.



### 12. Menyemak resit – semak jumlah keseluruhan yang telah dibelanjakan di pasar raya

Ini akan memastikan bahawa anda mengetahui apa yang dibelanjakan dibandingkan dengan bajet yang telah disediakan sebelum itu. Anda akan lebih berhati-hati semasa berbelanja. Anda juga boleh menyemak semula barang yang dibeli dengan resit untuk memastikan tiada kesilapan yang dibuat di kaunter pembayaran.



**13. Membeli secara tunai**

Ini adalah cara yang paling efektif untuk mematuhi bajet yang ditetapkan. Menggunakan kad kredit selalunya menyebabkan kita untuk berbelanja lebih.

**14. Pandang bahagian rak atas dan bawah**

Pasar raya selalunya menempatkan barang lebih mahal pada paras mata seseorang. Oleh itu lihat barang yang sama pada rak yang di bahagian bawah atau atas yang harganya lebih murah.



**15. Elakkan pembelian mengikut gerak hati**

Pembelian mengikut gerak hati menyebabkan anda berbelanja lebih. Barang yang ditempatkan di lokasi yang strategik seperti di kaunter pembayaran akan mempengaruhi kita untuk membeli mengikut gerak hati.

**16. Bandingkan buah-buahan atau sayur-sayuran siap dibungkus dan yang dijual secara lambak**

Bandingkan harga barang secara lambak dengan harga barang yang dibungkus. Berhati-hati dan teliti sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada barang tersebut jika telah siap dibungkus

**17. Elakkan membeli makanan ringan**

Anda boleh menggantikan makanan ringan dengan snek yang murah. Secara beransur-ansur bertukar kepada makanan yang sihat dan murah.

**18. Menanam sayur-sayuran sendiri**

Banyak sayur-sayuran dan buah-buahan yang boleh ditanam sendiri seperti cili, bendi, betik dan terung. Dengan cara ini, kita bukan sahaja dapat berjimat, tetapi juga dapat memakan makanan yang segar dan sihat. Tambahan pula, kita akan mendapat kepuasan diri kerana memakan sayur-sayuran dan buah-buahan yang ditanam sendiri.




**19. Membeli barang yang boleh diguna semula**

Membeli barang seperti botol dan bateri yang boleh dicas semula.

**20. Jimatkan elektrik**

Menutup suis peralatan elektrik yang tidak digunakan. Kebanyakan peralatan elektrik sebenarnya masih menggunakan elektrik walaupun telah ditutup. Gunakan kaedah yang dapat mengoptimumkan penggunaan elektrik di rumah.




**21. Jimatkan air**

Tadah air hujan untuk kegunaan menyiram tanaman. Gunakan kaedah yang boleh meminimumkan pembaziran air di rumah.



## 22. Penggunaan petrol

Jika anda dapat menggantikan beberapa perjalanan yang pendek kepada satu perjalanan yang panjang, anda akan dapat menjimatkan petrol dan masa perjalanan. Selenggara kereta anda dengan baik untuk mengoptimumkan penggunaan petrol.



## 23. Menggunakan pengangkutan awam

Jika ada peluang, gunakan pengangkutan awam. Ini akan mengurangkan penggunaan petrol, tol dan bayaran tempat letak kereta.

## 24. Prinsip 24 jam - Menunggu sehingga 24 jam sebelum membuat keputusan pembelian bagi barang yang sangat berharga

Ini terutamanya bagi barang yang sangat berharga ataupun didesak oleh jurujual. Untuk membeli, selalu katakan bahawa anda ingin pulang dan berfikir. Jangan sesekali mengambil keputusan pada masa itu juga. Selepas membuat keputusan dan fikir masak-masak, sekiranya memang berbaloi untuk membelinya, baharulah anda beli barang tersebut.

## 25. Gunakan penerbangan tambang murah

Beralihlah kepada penerbangan tambang murah jika anda belum berbuat demikian untuk tujuan melancong.

## 26. Kurangkan kemewahan

Lihat semula apa yang anda belanjakan. Bezakan antara keperluan dan kehendak anda. Jika boleh, kurangkan perbelanjaan yang mewah dan barang yang memang anda tidak perlukan, terutamanya apabila ia memakan perbelanjaan yang besar.

**27. Membawa bekal makanan ke tempat kerja atau sekolah**

Bawa bekal makanan ke tempat kerja atau sekolah. Ini juga dapat menjamin kehidupan yang lebih sihat.



**28. Membeli barang sebelum bekalannya kehabisan**

Jika anda kehabisan barang, anda mungkin terpaksa membayar pada harga yang tinggi.

**29. Patuhi pada bajet yang ditetapkan**

Bajet dapat menentukan berapa banyak perbelanjaan yang dilakukan. Anda memerlukan bajet tidak kira sama ada pendapatan anda RM1,000 atau RM10,000 sebulan

**30. Belilah barang buatan Malaysia**

Inilah masanya untuk menyokong pengeluar dan pengilang tempatan.



**BUATAN MALAYSIA**

## FOMCA



Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia atau nama akronimnya, FOMCA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang bergerak secara sukarela dan tidak mencari keuntungan, bebas daripada isu-isu perkauman, keagamaan dan sebarang parti politik. FOMCA telah ditubuhkan pada 10 Jun 1973 sebagai persatuan gabungan bagi beberapa persatuan-persatuan negeri pada masa itu. Kini FOMCA mempunyai 15 ahli gabungan di seluruh negara.

Objektif FOMCA ialah menguatkan dan mengukuhkan pergerakan pengguna di Malaysia; meneliti isu-isu serta berjuang untuk hak-hak pengguna; berjuang melalui kuasa beli pengguna berdasarkan keperluan untuk pembangunan yang menjamin sosio ekonomi yang adil dan kualiti alam sekitar yang lebih baik; dan mengkoordinasi serta menjadi badan perunding bagi organisasi pengguna di Malaysia.

Untuk mencapai objektif tersebut, FOMCA menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan dan menerbitkan risalah untuk kesedaran pengguna; bertindak memberi perlindungan kepada pengguna di semua peringkat; menyebarkan maklumat kepada pengguna; dan mengkoordinasikan tindakan pengguna melalui kempen dan sebagainya.

Falsafah FOMCA ialah mewujudkan amalan berdikari di kalangan pengguna, dengan merealisasikan moto "Perlindungan Paling Berkesan Adalah Perlindungan Kendiri."

## **Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (Consumer Research and Resource Centre)**

**CRRC** Fungsi utama Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna ialah mempengaruhi polisi awam melalui penyelidikan yang berasaskan kepada fakta dan mendidik pengguna mengenai perlindungan sendiri.

### **Mempengaruhi Polisi Awam**

CRRC berusaha untuk mempengaruhi polisi awam yang berkaitan dengan isu-isu yang boleh menjejaskan perlindungan dan kebajikan pengguna-pengguna di Malaysia. Usaha ini dilakukan melalui penyelidikan dan perundingan berasaskan kajian dan fakta.

Selain itu, CRRC juga akan bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan penyelidik-penyelidik untuk melaksanakan kajian bagi pihak CRRC.

Berdasarkan hasil kajian yang dilakukan, Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna dengan kerjasama FOMCA serta agensi-agensi lain yang berkaitan akan memperjuangkan dan berkempen untuk memastikan perlindungan dan kebajikan pengguna yang lebih baik melalui pemantapan undang-undang, polisi-polisi dan program-program.

### **Kesedaran Pengguna dan Pendidikan Pengguna**

#### **Kempen Konsumer Kebangsaan 2008-2012**

Dalam usaha menangani kenaikan harga bahan makanan dan ketidakstabilan harga bahan api, Kempen Konsumer Kebangsaan selama empat tahun telah dilancarkan pada Jun 2008. Kempen ini bertujuan untuk mendidik pengguna bagi mengubah gaya hidup mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran ini. Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna adalah Unit Koordinasi bagi Kempen tersebut.

#### **Sistem Pemantauan Harga**

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna juga telah mewujudkan satu sistem pemantauan harga yang bertujuan untuk membandingkan sekurang-kurangnya tiga pasar raya utama untuk memantau serta menganalisa harga bahan makanan di Malaysia.



## Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (National Consumer Complaints Centre atau NCCC)

### Latar Belakang

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Hj. Mohd Shafie Apdal, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 13 Julai 2004 sebagai satu inisiatif FOMCA. NCCC diperbadankan pada 17 September 2008.

NCCC bertujuan menjadi pusat aduan setempat bagi membantu para pengguna menyelesaikan masalah dan aduan mereka. NCCC turut bertindak sebagai perantara mempertemukan pengguna dan peniaga untuk menyelesaikan pertikaian. Berdasarkan aduan-aduan yang diterima, didapati para pengguna menghadapi masalah untuk mencari badan yang sesuai untuk membantu menyelesaikan masalah mereka. Di samping itu, pengguna juga tidak mempunyai maklumat tentang agensi yang sepatutnya dihubungi berkaitan masalah mereka.

NCCC ditubuhkan untuk mengisi ruang keperluan ini. NCCC bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkaitan seperti Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah Malaysia, Majlis Peguam, Biro Pengantaraan Kewangan dan agensi kawalselia lain untuk menyelesaikan aduan-aduan pengguna yang diterima.

### Visi

Membentuk mekanisme sendiri di kalangan pengguna yang berkebolehan dalam menyelesaikan masalah dengan adil, mudah dan efisien melalui sistem pengantaraan

### Misi

Berfungsi sebagai badan pengantara antara pihak kerajaan, swasta dan pengguna dalam mengenal pasti penyelesaian terhadap sebarang aduan pengguna

### Fungsi

- Menerima dan merekodkan aduan
- Memberikan khidmat nasihat
- Membantu menyalurkan aduan kepada pihak yang bersesuaian seperti agensi kerajaan, pengeluar, pengedar atau penjual
- Menjalankan perundingan antara pihak pengadu dengan pihak dituntut
- Membuat analisa dan penilaian terhadap aduan yang diterima
- Menyalurkan maklumat analisa dan penilaian kepada pihak kerajaan dan umum

Sekiranya anda ada sebarang aduan, sila menghubungi:

e-aduan : [www.nccc.org.my](http://www.nccc.org.my)  
fax : 03 7874 8097  
tel : 03 7877 9000  
email : [myaduan@nccc.org.my](mailto:myaduan@nccc.org.my)  
sms : 013-myaduan / 692 3826

# Kempen Konsumer Kebangsaan 2008 - 2012

Pada 6 Mei 2008, empat buah organisasi peringkat kebangsaan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menganjurkan Kempen Konsumer Kebangsaan, selama 4 tahun, iaitu dari 2008 hingga 2012. Kempen yang dikenali sebagai "Kempen 3K" (Kempen Konsumer Kebangsaan) ini turut disertai oleh PETRONAS pada 1 Januari 2009.



Kempen ini diadakan sejajar dengan krisis ekonomi sejagat, yang telah memberikan kesan negatif terhadap gaya hidup pengguna di Malaysia.

- Peningkatan harga bahan makanan
- Harga petroleum yang sentiasa berubah-ubah.
- Cuaca yang tidak menentu.
- Krisis kekurangan bekalan air.
- Krisis kewangan.

Persoalannya, bagaimanakah para pengguna di Malaysia menghadapi situasi ini?

Segelintir penduduk berasa marah dan menuding jari ke arah kerajaan, atau kepada pihak pengeluar minyak atau orang tengah yang bersikap tamak.

Ada pula yang menginginkan kerajaan untuk menambah subsidi supaya mereka dapat menikmati kehidupan mereka seperti sediakala.

Namun hakikatnya, faktor-faktor ini sebenarnya di luar kawalan kerajaan.

Oleh kerana masyarakat Malaysia terlalu leka dengan kehidupan yang selesa, maka sukar bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang baru ini.

Lantaran itu, daripada bersikap mengharap pihak lain untuk menyelesaikan masalah ini, maka pendekatan terbaik sebagai jalan keluar ialah dengan mengubah gaya hidup dan tingkah laku masing-masing.

Kita perlu menilai serta dapat membezakan antara keperluan dan kehendak. Dalam masa yang sama membekalkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran baru untuk menangani situasi ini dan bersedia untuk membuat sebarang perubahan.

Lebih penting lagi, kita harus membuat anjakan minda sejajar dengan senario isu kepenggunaan global ini. Untuk menghadapi cabaran ini, kita perlu mengambil berat tentang tanggungjawab kita. Kita perlu mempelajari untuk mengurus dan merancang kewangan. Kesimpulannya, masyarakat Malaysia perlulah berfikir lebih terbuka terhadap penggunaan yang berhemat.

Kempen Konsumer Kebangsaan bertujuan untuk menggalakkan pengguna menyahut cabaran ini ke arah penggunaan berhemat. Tema untuk kempen ini adalah "Perubahan Bermula Dengan Saya"

layari [www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my)  
dan ketahui lebih banyak lagi!

